

info

usahawan

issue
1/21


nota minda masmed

penjenamaan
semula

fenomena
zamsaham

elon musk.

VISIONARI
MEREVOLUSI
DUNIA



Fokus & Gigih: Rahsia Usahawan Berjaya

Dr Ruzanifah Kosnin¹, Dr. Nor Hayati Samba Mohamed²

¹ Universiti Malaysia Kelantan

² Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan



Untuk artikel ini, kami akan menerangkan dua tabiat iaitu F dan G, tabiat penting yang dapat menjamin kejayaan usahawan. F merujuk kepada Fokus dan G merujuk kepada Gigih.

Fokus

Menurut kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, fokus diertikan sebagai sesuatu yang menjadi pusat perhatian. Sebagai usahawan, fokus bermaksud kekal pada satu perkara pada satu masa. Dalam dunia perniagaan, berbagai peluang kadangkala hadir apabila usahawan telah mencapai satu tahap kejayaan. Ini adalah lumrah kerana kejayaan seseorang usahawan itu membuka jalan untuk pihak lain menawarkan pelbagai peluang dan harapan. Di sinilah seseorang usahawan itu perlu bijak memisahkan antara peluang yang boleh membawa perniagaannya ke arah kejayaan yang lebih baik lagi ataupun sebaliknya merencatkan perjalanan perniagaannya. Betapa ramai usahawan yang menjalankan perniagaan hanya separuh jalan kerana merasakan ada peluang lain yang lebih baik menantinya di hadapan. Oleh itu, sekiranya usahawan telah menemui satu perniagaan yang baik, dia perlulah fokus menjalankan perniagaan tersebut sehingga mahir dan meluaskan lagi empayar perniagaannya.

Seorang usahawan berjaya pernah berkongsi pandangannya kepada penulis. Beliau mengatakan membina perniagaan ini bukanlah untuk mendapatkan keuntungan semata-mata, tetapi ia juga adalah landasan untuk membangunkan manusia. Setiap usahawan tentunya tidak melakukan perniagaannya sendirian. Untuk

berjaya dalam meluaskan perniagaan, usahawan memerlukan kepada sumber tenaga kerja yang ramai, bagus dan berjaya juga. Apabila fokus diberikan untuk membangunkan manusia atau sumber tenaga kerja ini, adalah mustahil untuk usahawan menukar-nukar perniagaannya. Oleh yang demikian, salah satu resepi untuk kejayaan usahawan adalah fokus kepada apa yang dilakukannya. Namun fokus kepada satu perniagaan bukanlah bermaksud tidak boleh membuat perniagaan lain. Jika usahawan telah membuktikan perniagaannya perlu diubah untuk kelangsungan hidup, maka tiada jalan lain selain membuat perubahan.

Fokus untuk usahawan bukanlah hanya kepada tidak menukar perniagaan, malah ia lebih luas dan mencakupi perkara-perkara kecil juga. Bagaimana usahawan menguruskan tugasnya sehari-hari juga memerlukan elemen fokus ini. Bagaimanapun kekal fokus kepada satu perkara bukanlah mudah di zaman teknologi moden dan perubahan persekitaran perniagaan yang berlaku dengan sangat pantas. Oleh yang demikian, salah satu cara untuk fokus adalah dengan mempunyai impian yang besar dan arah tujuan yang jelas. Fokus adalah suatu karakter yang perlu dididik di dalam diri. Sebagai umat Islam, solat adalah latihan terbaik untuk menerapkan karakter fokus dalam diri iaitu apabila individu perlu khusyuk dalam solat. Allah SWT berfirman dalam Surah al-Mukminun, ayat 1-2 yang bermaksud: “Benar-benar sangat beruntung orang-orang beriman. Yakni mereka yang khusyuk dalam mengerjakan sembahyang.” Allah SWT mengarahkan kita untuk khusyuk iaitu memberi sepenuh tumpuan terhadap

ibadat solat. Solat mengandungi falsafah atau hikmah tersendiri yang perlu kita hayati. Khusyuk ialah tunduk dan berasa rendah diri dengan menumpukan fikiran, menenangkan hati dan anggota semasa solat semata-mata kerana Allah S.W.T. Oleh itu, khusyuk dalam solat juga sepatutnya meninggalkan impak positif dalam mendidik kita supaya fokus terhadap tugas harian. Usahawan mukmin yang berjaya dapat dilihat dari karakternya dalam memenuhi tuntutan solat kepada Penciptanya.

Gigih

Elemen penentu kejayaan usahawan yang seterusnya adalah gigih. Gigih diertikan sebagai keras hati, tegar hati, atau patuh kepada pendirian sendiri oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, manakala kegigihan pula bermaksud kesungguhan atau keteguhan berpegang pada pendapat atau sesuatu. Kegigihan adalah ciri penting usahawan berjaya. Didorong oleh semangat yang tidak dapat dilunturkan, usahawan yang berjaya tidak akan pernah melepaskan impian mereka untuk membina perniagaan yang berdaya maju. Kepada usahawan yang gigih, tidak ada halangan yang terlalu besar bagi mereka. Makanya, karakter gigih ini adalah salah satu ciri utama untuk membangun perniagaan yang berjaya.

Setiap usahawan yang ingin membangunkan perniagaan pasti akan melalui saat-saat sukar. Apatah lagi di waktu kita dilanda pandemik Covid-19 seperti sekarang di mana banyak perniagaan berada pada tahap yang kritikal. Pada waktu inilah kekuatan usahawan secara fizikal, mental dan spiritual akan teruji. Sekiranya

seseorang yang ditimpa saat sukar, membuat keputusan untuk mencari jalan penyelesaian secara kreatif, sehingga masalahnya selesai dan saat sukar itu pun berlalu pergi, maka dia dikategorikan sebagai individu yang gigih untuk memastikan impiannya untuk berjaya tercapai. Kajian mendapati asnaf yang gigih mampu mengeluarkan diri mereka daripada penerima zakat kepada pemberi zakat apabila menceburi bidang perniagaan (M Ashraf & Farooq, 2017).

Kegigihan ini sesuatu tabiat yang jarang ditemui oleh orang-orang kebanyakan. Tetapi setiap usahawan yang sangat berjaya, mereka semuanya mempunyai tabiat ini. Kegigihan adalah sikap yang tidak mudah untuk dilakukan kerana usahawan yang gigih adalah usahawan yang tidak kenal erti putus asa walaupun mengalami kegagalan berkali-kali. Mereka menganggap kegagalan yang mereka alami hanya mendekatkan mereka kepada kejayaan.

Kesimpulannya, usahawan sejati ialah mereka yang sentiasa berusaha memperbaiki diri dan pencapaiannya. Kejayaan mereka dalam perniagaan menuntut komitmen yang berterusan dalam memperbaiki diri terhadap apa yang mereka lakukan dan cara mereka berfikir. Oleh yang demikian siri ini berkongsi tabiat-tabiat untuk membantu usahawan mencapai kejayaan.

Rujukan

M Ashraf, M. A., & Farooq, M. O. (2017). Zakat, persistence of poverty and structural-incidental segmented approach: A survey of literature. *Journal of Islamic Financial Studies*, 3(1), 17-31. <https://doi.org/10.12785/jifs/030102>